

26 MAY 1997

Nazri-hubungan

LIBYA BERMINAT JALIN USAHASAMA KELUARKAN KERETA

Oleh: Ahmad Kamal Dahlan

TRIPOLI, 26 Mei (Bernama) -- Libya berminat menjalin hubungan terutama dalam industri minyak dan besi waja selain mengadakan pertukaran kepakaran, kata Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Asia di Kementerian Luar Libya Dr Salem I Salem hari ini.

Beliau berkata buat permulaan, Libya dan Malaysia boleh menghantar rombongan teknikal untuk meninjau peluang-peluang pelaburan yang boleh diterokai.

Satu bidang yang dapat diusahakan antara syarikat kedua-dua negara ialah pengeluaran kereta, katanya dalam pertemuan dengan delegasi Malaysia yang diketuai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Nazri Abdul Aziz di sini.

Salem berkata syarikat-syarikat Malaysia boleh menyumbang kepada pembangunan negara ini yang sedikit sebanyak terjejas oleh sekatan ekonomi dan udara yang masing-masing dikuatkuasakan oleh Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak 1992.

Sehubungan itu, beliau mempelawa usahawan Malaysia supaya berkunjung ke Libya dan menjalin hubungan serta kerjasama dengan rakan sejawatan mereka di negara ini.

Mengikut perangkaan terbaru Januari hingga Mac tahun ini, eksport Malaysia ke Libya hanya berjumlah RM50,000 manakala jumlah import RM20 juta.

Malaysia mengeksport peralatan gantian kereta, barang tekstil dan kimia manakala mengimport peralatan farmaseutikal dan bahan kimia.

Beliau memberi jaminan bahawa pelaburan Malaysia di negara ini adalah selamat.

Ini dapat dilihat dengan kehadiran banyak syarikat dari Eropah terutama dari Jerman, Perancis dan Itali selain syarikat-syarikat dari Korea Selatan yang melabur dalam pelbagai bidang dan industri di Libya, katanya.

Salem berkata Libya, dengan penduduk sebanyak empat juta orang berminat menjalin kerjasama dengan Malaysia di dalam membangunkan Mindanao di selatan Filipina.

"Kami mempunyai modal dan kami mahu melabur dalam projek-projek yang bukan sahaja menguntungkan tetapi juga dapat membantu umat islam," katanya.

Libya memperolehi pendapatan kira-kira AS\$9 bilion setahun daripada pengeksportan minyak.

Sementara itu, Nazri berkata usaha perlu dibuat untuk menggerakkan semula jawatankuasa bersama Malaysia-Libya yang kali terakhir bertemu pada 1984.

Ini harus dilakukan segera agar hubungan ekonomi antara kedua-dua negara yang kini berada di tahap yang sangat kecil dapat dipertingkatkan, katanya.

Beliau berkata walaupun Libya menghadapi sekatan ekonomi dan udara, ia tidak boleh dijadikan alasan oleh usahawan Malaysia untuk mengetepikan negara itu.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi, termasuk ahli-ahli perniagaan untuk melawat Cuba tidak lama lagi meskipun negara itu menghadapi sekatan ekonomi sejak lebih 35 tahun.

Beliau juga memaklumkan kepada Salem bahawa satu rombongan terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi Petronas akan mengunjungi Libya Julai ini dengan tujuan untuk meninjau peluang-peluang usahasama yang boleh

diterokai.

Sebelum itu, Nazri dan rombongannya yang terdiri daripada beberapa anggota Parlimen dan tokoh akademik mengunjungi Dr Mohamed Ahmed Shariff, Setiausaha Agung Pertubuhan Seruan Islam Sedunia, sebuah pertubuhan yang berpengaruh di negara ini dan Ali Shamelach, Naib Pengerusi Pelaburan Minyak Antarabangsa.

Semalam beliau mengadakan pertemuan dengan anggota Majlis Tertinggi Jawatankuasa Revolusi Sosialis Libya.

-- BERNAMA

AKD AHH